

09 JUN 1996

Sanusi

SANUSI JUMPA DR MAHATHIR BINCANG PROJEK LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undang Negeri Kedah kawasan Kuah Datuk Seri Sanusi Junid yang disebut-sebut akan dilantik Menteri Besar Kedah hari ini mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana di sini.

Sanusi tiba di kediaman rasmi Perdana Menteri pada pukul 4 petang dan berada di sana kira-kira sejam.

Beliau yang turun dari kereta untuk bercakap dengan wartawan yang menunggu di luar pintu pagar Sri Perdana selepas pertemuan dengan Dr Mahathir berkata, perjumpaannya dengan Perdana Menteri ialah untuk berbincang mengenai projek pembangunan di Langkawi.

Apabila ditanya sama ada beliau telah menerima surat berhubung perlantikannya sebagai Menteri Besar, Sanusi berkata beliau tidak menerima apa-apa surat.

"Atas nama Allah, saya tidak menerimanya," kata beliau.

"Takkanlah saya berbohong pula dengan menggunakan nama Tuhan," katanya apabila ditanya lagi oleh wartawan mengenai surat itu.

Semasa ditanya sama ada beliau menerima jemputan perjumpaan Osman dengan semua anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari Barisan Nasional di Pejabat Menteri Besar Kedah esok, Sanusi berkata buat masa ini beliau belum menerima apa-apa jemputan atau surat jemputan mengenai perjumpaan itu.

"Saya tidak menerima surat atau jemputan mengenai perjumpaan pada pukul 12 tengah hari esok. Mungkin surat jemputan itu ada di Kedah," katanya.

Sanusi berkata beliau mengetahui mengenai perjumpaan itu melalui akhbar.

Katanya, bagaimanapun beliau akan menghadiri perjumpaan sekiranya ia diadakan untuk semua anggota dewan undangan.

Menurut laporan akhbar hari ini, Osman akan mengadakan perjumpaan dengan kesemua 34 anggota Dewan Undangan negeri esok.

Laporan yang menyebut sumber sebagai berkata bahawa semua anggota dewan berkenaan telah menerima surat jemputan untuk menghadiri perjumpaan itu yang ditandatangani oleh Setiausaha Dewan Undangan Negeri Kedah.

Bagaimanapun, tujuan perjumpaan itu tidak diketahui tetapi sumber itu berkata ia mungkin ada hubungan dengan perkembangan politik di negeri itu.-- BERNAMA

SJA FAZ